

Pelajar Jana 4 Angka Sebulan

Oleh: Nur Akma Syafiah, 1180270

KAJANG: Pelajar jurusan akaun di Sunway College, Subang di sini mampu menjana pendapatan empat angka sebulan dengan menjual manisan secara atas talian sambil membuat kerja sambilan.

Nur Hidayah Ahmad Kamal, 22, berkata, jumlah jualan manisan yang diperolehi dan ejennya secara atas talian mencecah sehingga RM4,000 sebulan iaitu jumlah tertinggi yang dijana setakat ini.

“Pada awalnya, saya melakukan perniagaan atas talian secara suka-suka akan tetapi saya meneruskan juga perniagaan ini untuk membayar yuran pembelajaran di kolej.

“Walaupun menerima elaun dari pihak kolej, ianya masih tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan,” katanya.



Nur Hidayah sedang mengulangkaji pelajaran. -gambar dari sumber-

Hidayah berkata, dia membahagikan masa pagi sepenuhnya untuk pelajaran dan petang untuk menjalankan perniagaannya seperti mengedut atau menghantar produk yang dijual.

“Jika terdapat keperluan mendesak daripada ejen pada waktu pagi, saya akan mengalihkan fokus kepada ejen tersebut sebelum menyambung semula pelajaran saya dan yang penting elakkan membuat kerja saat akhir,” katanya.



Nur Hidayah bersama bungkusan untuk dipos kepada pelanggannya. -gambar dari sumber-

Nur Farhana Ahmad Kamal, 16, ejen pertama dibawah Hidayah berkata, Hidayah sebagai ketua sangat membantunya dalam perniagaan dengan menyediakan cara pemasaran secara atas talian menerusi aplikasi Whatsapp.

“Walaupun saya kurang minat dalam perniagaan, saya sering meminta pertolongan Hidayah untuk memberikan cara meningkatkan jualan,” katanya.